



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR YB DATUK SERI G. PALANIVEL

STATUS KUALITI UDARA

17 OKTOBER 2014

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada **jam 9 pagi** menunjukkan 37 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 12 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Tiada kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat.** Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my>

Kemungkinan berlakunya jerebu merentas sempadan dijangka berkurangan berikutan Musim Peralihan Monsun yang telah bermula dan akan berterusan sehingga pertengahan bulan November 2014, diikuti dengan Musim Monsun Timur Laut yang membawa cuaca yang lebih lembab di negara ini dan perubahan arah angin sehingga bulan Mac 2015.

Dalam tempoh Musim Peralihan Monsun, keadaan ribut petir dan hujan lebat dijangka lebih kerap berlaku, terutamanya pada sebelah petang, senja dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan pedalaman negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 16 Oktober 2014, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 di

Kalimantan, Indonesia adalah sebanyak 10 titik panas (hotspot), manakala sebanyak 66 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia. Walau bagaimanapun, satelit tidak dapat memaparkan jumlah sebenar titik panas (hotspot) berikutan terdapat litupan awan. Selain itu, sebanyak 4 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu di negeri Johor (1), Pahang (1), Perak (1) dan Sabah (1). Kesemua titik panas (hotspot) yang dikesan dalam negara akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Berdasarkan cerapan satelit, terdapat lingkaran kecil asap jerebu di bahagian tengah Kalimantan, Indonesia. Peta jerebu serantau yang dikeluarkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* pada 16 Oktober 2014 adalah seperti di **Rajah 1**.

TINDAKAN-TINDAKAN

Dalam usaha menangani musim panas dan kering Monsun Barat Daya, Kementerian NRE melalui JAS telah mengambil beberapa tindakan, antaranya:-

1. Mengaktifkan **Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka** di seluruh negara mulai bulan Februari 2014. Ia meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mudah terbakar, tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran terbuka di kawasan tapak binaan, industri dan ladang manakala bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil tindakan kompaun akan dikenakan; mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi dan memastikan tapak-tapak pelupusan tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu, mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, penglibatan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai;

2. Pemantauan rapi ke atas kawasan-kawasan tanah gambut yang sering terbakar melalui pengaktifan **Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar**;
3. Pengeluaran **Perintah Larangan Pembakaran Terbuka** bagi seluruh negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya semenjak bulan Mac 2014. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring). **Perintah Larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuatkuasa**;
4. Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering dipertingkatkan semenjak bulan Mac 2014 ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri; dan
5. Pemantauan melalui udara (*aerial surveillance*) dilaksanakan bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar dan kawasan pedalaman yang berisiko tinggi berlaku kebakaran.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 10 Oktober 2014 telah menulis surat kepada rakan sejawatannya di Kementerian Alam Sekitar Indonesia bagi mengulangi kebimbangan dan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap peningkatan bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Dalam hal ini, Malaysia turut menggesa agar pihak Indonesia segera melaksanakan tindakan pencegahan dan pemadaman kebakaran tanah dan hutan secara lebih meluas dan efektif. Sebelum ini, kebimbangan yang sama telah disuarakan oleh Malaysia melalui surat oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada rakan sejawatannya di Kementerian Alam Sekitar Indonesia pada 15 September 2014.

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga **16 Oktober 2014, sebanyak 4,796 kes** pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (908 kes), kawasan pertanian (1,477 kes), kawasan industri (34 kes), kawasan pembinaan (167 kes), tapak pelupusan sampah (86 kes), kawasan belukar (1,036 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (1,088 kes).

Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak 420 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 122 kes telah dikeluarkan Notis Amaran. Selain itu, sebanyak **47 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 22 kes telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk memperolehi izin mendakwa, 13 kes telah didaftarkan di Mahkamah Seksyen untuk tujuan pendakwaan dan 2 kes telah selesai sepenuhnya.**

Dalam situasi jerebu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terus diambil sehingga boleh membawa kepada tindakan penangkapan ke atas mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk membantu penyiasatan. Berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan) 2012 mulai 2 Januari 2013 yang memberi **kuasa menangkap penjenayah alam sekitar yang disyaki tanpa waran** di bawah peruntukan Seksyen 137 C, seramai 194 orang pegawai JAS telah diberikan surat kuasa khas dan latihan serta dalam keadaan bersiap sedia bagi melaksanakan peruntukan ini terutama bagi kesalahan yang menjejaskan kepentingan dan kesihatan awam termasuklah melakukan pembakaran terbuka.

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

17 Oktober 2014

PETA JEREBU SERANTAU, 16 OKTOBER 2014

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

